

24 AUG 1998

NERP-PENGANTAR/I

MAHATHIR: BANYAK LAGI RAKYAT MALAYSIA BOLEH LAKUKAN

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Masih terlalu banyak lagi yang boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia dan untuk diri mereka sendiri, supaya mengatasi kemelut ekonomi sekarang sungguhpun proses ke arah pemulihan akan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor dan perkembangan luaran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini adalah masa apabila semua orang terpaksa bangkit bersama. Saya yakin bahawa sekali lagi rakyat Malaysia akan bangun dan mengatasi cabaran-cabaran yang merintanginya," katanya di dalam pengantar yang diterbitkan di dalam laporan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP) setebal 216 halaman yang akan dijual kepada orang ramai mulai hari ini.

Di pihak kerajaan, tambah beliau, ia telahpun menguat kuasanya dan melaksanakan beberapa langkah segera kepada krisis yang menjejaskan Malaysia dan rantau ini manakala sektor swasta mestilah menunjukkan keyakinan dan ketahanan.

Dr Mahathir juga berkata sokongan orang awam adalah amat penting dan azam rakyat janganlah mudah digugat oleh pandangan-pandangan dan pendapat yang cenderung menjejaskan keyakinan dan ketahanan diri.

"Pengorbanan mestilah dibuat, sakit ditanggung dan halangan sebenar mestilah diatasi sebelum negara boleh kembali kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan dan cergas sebelum ini.

"Dengan kestabilan politik, pendekatan yang pragmatis terhadap dasar-dasar dan strategi, penyatuan sosial dan sokongan rakyat, satu pendekatan yang pragmatis kepada dasar-dasar boleh diatasi," tambahnya.

Dengan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara, satu panduan untuk pemulihan telah wujud, kata Dr Mahathir, kerajaan akan bersikap proaktif dan pragmatik dalam melaksanakan strategi-strateginya.

Sambil berkata bahawa NERP adalah satu rancangan yang diterima baik, katanya kerajaan akan fleksibel dalam menerima perubahan di dalam persekitaran dan peka terhadap penderitaan rakyat, terutamanya yang miskin.

"Tetapi, intipatinya ialah masa. Mestilah ada semangat kepentingan dan iltizam," tegas Perdana Menteri, sambil menambah bahawa ekonomi telah menunjukkan tanda-tanda penguncupan dan adalah penting bahawa langkah-langkah segera dan berani diambil untuk memulihkan ekonomi.

Sambil mengingatkan rakyat bahawa rekod kejayaan yang terpuji di dalam pembinaan negara dan perkembangan ekonomi, bukanlah tidak menempuh dugaan dan cabaran, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia sebagai sebuah negara, sekali lagi diseru supaya membuktikan diri mereka di dalam zaman yang mencabar ini," tambah beliau. -- BERNAMA

SHO DVS OS